

UMS-KAL raih dua emas pada Silat Terbuka IPTA

OLEH JAINUDIN DJIMIN

jainudin@newsabahtimes.com.my

LABUAN : Kelab Pencak Silat Universiti Malaysia Sabah, Kampus Antarabangsa Labuan (UMS-KAL) berjaya meraih dua pingat emas di Kejohanan Pencak Silat Terbuka Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) yang diadakan baru-baru ini di Dewan Kuliah Pusat 23, Universiti Malaysia

NST 21/10/2011 23

Sabah.

Dua pingat emas itu diperolehi melalui Abdul Hakim Fikri Abdullah dan Siti Khatijah Marzuki.

Daripada 11 penyertaan, 6 pesilat UMS-KAL telah mara ke perlawanan akhir dalam kategori masing-masing.

Tulang belakang bagi kejayaan tersebut adalah jurulatih silat olahraga iaitu Zuffary Haji Ahmad serta latihan yang gigih serta komitmen dari pelajar itu

sendiri.

Antara pertandingan yang diadakan pada kejohanan tersebut adalah kategori Wiralaga (silat Olahraga) dan Seni. UMS-KAL turut menghantar seorang wakil bagi kelas seni iaitu Sahraizad Amat Sha.

Sebanyak tiga IPTA dan lima pasukan jemputan dari seluruh Sabah telah menyertai kejohanan tersebut.



PESILAT UMS-KAL.. Zuffary (duduk dua dari kiri) bersama jurulatih dan pesilat UMS-KAL yang menyertai Kejohanan Pencak Silat Terbuka IPTA.